MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BIL. 1/2026

TARIKH	:	**31 MAC 2026 (SELASA)**
MASA	:	**9.30 PAGI**
TEMPAT	:	**BILIK MESYUARAT BUNGA TANJUNG, TINGKAT 16, MPAJ**

HADIR

PIHAK PEGAWAI

1. Ts. Haji Hasrolnizam bin Shaari, SIS, AMS
   Timbalan Yang Dipertua

2. Ir. Ts. Haji Zafrul Fazry bin Mohd Fauzi, AMS, PPT
   Pengarah
   Jabatan Kejuruteraan

3. Pn. Nor Azlin binti Othman, PPT
   Setiausaha Bersama
   Pengarah (Menanggung)
   Jabatan Khidmat Pengurusan

4. En. Addy Hissham bin Elias, PPT
   Pengarah
   Jabatan Penguatkuasaan

5. Pn. Maizatul Hanisa binti M Isa, PPT, C.A. (M)
   Pengarah
   Jabatan Perbendaharaan

6. En. Khairilazhar binti Ismail, AIS
   Pengarah
   Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan

7. Mohamad Yusuf bin Sulaiman, PPT
   Pengarah
   Jabatan Belia, Masyarakat dan Landskap

8. Pn. Marlina binti Mohamad, PPC
   Pengarah
   Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan

9. Sr. Khairulazmi bin Abdul Rahman
   Pengarah
   Jabatan Penilaian dan Pembangunan Hartanah

10. Pn. Hasliza binti Kamarul Zaman
    Pengarah
    Jabatan Hasil

11. En. Yazid bin Omar
    Pengarah (Menanggung)
    Jabatan Bangunan dan Senibina

12. Pn. Mazlifah binti Md Yusof
    Ketua Bahagian
    Bahagian Pengurusan Harta

13. Sr. Dr.Rohayati binti Hj Zakaria, PPC
    Ketua Bahagian
    Bahagian Penyelenggaraan Bangunan

14. Sr. Mastura binti Ishak, PQS, MRISM
    Ketua Bahagian
    Bahagian Ukur Bahan

15. Pn. Azfalinda binti Mohamad Amin
    Ketua Bahagian
    Bahagian Integriti

16. Pn. Noor Farahana binti Roselan, AIIA, C.A.(M)
    Ketua Bahagian
    Bahagian Audit Dalam

17. En. Zulkefli bin Mohd Noor
    Ketua Bahagian
    Bahagian Pesuruhjaya Bangunan

18. Pn. Norhayati binti Abu Bakar
    Ketua Bahagian
    Bahagian OSC

TURUT HADIR

1. Pn. Farhana binti Osman
   Akauntan
   Jabatan Perbendaharaan

2. Pn Huraizah binti Hori
   Pegawai Perancang Bandar dan Desa
   Jabatan Perancang Bandar

3. Mohamad Fareez bin Normanshah
   Pegawai Tadbir
   Jabatan Korporat dan Teknologi Maklumat

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Pn. Maizatul Hanisa binti M. Isa, C.A. (M)
   Pengarah
   Jabatan Perbendaharaan

2. TPr. Zuraina binti Said, AMS
   Pengarah
   Jabatan Perancang Bandar

3. Pn. Rosliza binti Mohd, PPT
   Pengarah
   Jabatan Korporat dan Teknologi Maklumat

HADIR

(PIHAK PEKERJA)

1. En. Mohd Nazrul Nizam bin Mohd Nazar
   Wakil Pen. Jurutera (Gred JA5 – JA7)
   (Naib Pengerusi)

2. En. Muhamad Faizal bin Muhamad Zainul
   Wakil Pen. Peg. Undang-Undang (Gred L5 – L7)
   (Setiausaha Bersama)

3. En. Ahmad Ammy Zaizah bin Zainal Abidin
   Wakil Kumpulan Pengurusan dan Prosesional (Gred N9 – N10)

4. Pn. Yasmin binti Hadi
   Wakil Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran (Gred U5 – U7)

5. Pn. Noor Hasliza binti Ismail
   Wakil Pen. Peg. Tadbir (Gred N5 – N7)

6. Pn. Norhidayah binti Moktar
   Wakil Pen. Peg. Penilaian (Gred W5–W7) / Pem. Penilaian (Gred W1 – W3)

7. En. Mohd Neezat bin Mohd Tahir
   Wakil Pen. Peg. Senibina (Gred JA5–JA7)

8. Pn. Nur'Ain binti Mohd Saaim
Wakil Pen. Juruukur Bahan (Gred JA5 - JA7)

9. En. Noramirrudin bin Ahmad Zulkiflie
Wakil Pen. Peg. Pertanian (Gred G5 – G7)

10. En. Mohd Razif bin Che Embi
Wakil Pen. Peg. Penguatkuasa (Gred KP5 – KP7) / Pem. Penguatkuasa (Gred KP1 – KP3)

11. En. Md Nazri bin Rusli
Wakil Pem. Penguatkuasa (Gred KP1 – KP4)

12. Pn. Noradilah binti Bukhari
Wakil Pelukis Pelan (Gred JA1 – JA3)

13. En. Abdul Ghani bin Othman
Wakil Pem. Kemahiran (Gred H1– H3) / Penjaga Jentera Elektrik (Gred JA1 –JA3)

14. En. Muhammad Mustaqim Siddiq bin Tahwil Azar
Wakil Pereka (Gred B5 – B8) / Jurufotografi (Gred B1 – B3)

15. Pn. Norafiqah binti Sanit
Wakil Pen. Akauntan (Gred W5 – W8) / Pem. Akauntan (W1 – W2)

16. Cik Nuramadiaton binti Abu Bakar
Wakil Penolong Juruaudit (Gred W5 -W7) / Pen.Juruuaudit (Gred W1 – W3) / Pembantu Tadbir (Kewangan) (Gred W1 – W2)

17. En. Mohamad Azlan bin Mohamad Isa
Wakil Pem. Khidmat Am (Pemandu Kenderaan) (Gred H1 – H3)

18. Pn. Siti Norrani Selvarani binti Abdullah
Wakil Pem. Khidmat Am (Pem. Operasi) (Gred N1 – N3)

19. En. Mohd Shahril bin Mustami
Wakil Pem. Khidmat Am (Pembantu Awam)(Gred H1 – H3)

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Pn. Noor Ismezah binti Ismail
Wakil Pen. Arkitek Landskap (Gred JA5 – JA7)

2. Pn. Siti Munira binti Zainal Abidin
Wakil Pen. Peg. Teknologi Maklumat (Gred FA5 – FA7) /
Juruteknik Komputer (Gred FT1 – FT3)

3. En. Muhammad Afiq bin Aluwi
Wakil Pen. Peg Perancang Bandar (Gred JA5 – JA7)

4. En. Muhammad Hafifi bin Mohd Sani
Wakil Pem. Kesihatan Awam (Gred U1-U3)

1. PERUTUSAN PENGERUSI

1.1 Tuan Pengerusi mengucapkan tahniah kepada semua warga MPAJ atas kemenangan tempat pertama dalam Anugerah Pengurusan Pejabat dan pentadbiran Cemerlang (APPC) bagi Kluster Pihak Berkuasa Tempat yang disampaikan oleh YAB Menteri Besar Selangor pada Majlis Amanat Tahun Baharu YAB Dato' Menteri Besar pada 26 Januari 2026 yang lalu. Semoga ia akan menjadi pemangkin untuk terus berjaya dan mengekalkan kejayaan pada tahun-tahun akan datang.Tuan Pengerusi juga mengucapkan tahniah atas pencapaian tempat pertama dalam Kategori Kerajaan Negeri bagi Anugerah Geospatial Kebangsaan yang telah diadakan pada 7-8 Oktober 2025 di PICC Putrajaya dengan tajuk Geospatial Bandar Pintar Ampang Jaya.

1.2 Tahniah kepada MPAJ atas pengiktirafan tertinggi "Diamond" bagi beberapa fasiliti utama sempena Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2025 yang berlangsung pada 12 Februari 2026 di Hilton Hotel, Kuala Lumpur yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Empat (4) projek yang menerima pengiktirafan adalah :

1.2.1 Stadium MPAJ Pandan Perdana - 5 *Diamond*
1.2.2 Dewan Perbandaran Pandan Indah - 5 *Diamond*
1.2.3 Pusat Anaerobic Digester MPAJ - 4 *Diamond*
1.2.4 Menara MPAJ - 3 *Diamond*

Pengiktirafan ini membuktikan komitmen berterusan MPAJ dan rakan strategik dalam memperkasa agenda pembangunan mampan, menyokong aspirasi Bandar Rendah Karbon serta menjayakan sasaran LCC2030 Challenge ke arah persekitaran bandar yang lebih hijau dan berdaya tahan.

1.3 Terima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor atas pengumuman Bantuan Khas Kewangan (BKK) Insentif Khas KitaSelangor Aidilfitri (IKSA) 1447/2025 sebanyak **satu (1) bulan gaji atau minimum RM1,000.00** yang telah diumumkan oleh YAB Dato'

Menteri Besar Selangor melalui Majlis Akrab Mahabbah Insani Ramadhan 2026 Dato' Menteri Besar Bersama-sama Penjawat Awam Negeri Selangor pada 27 Februari 2026 (Jumaat). BKK IKSA 1447H/2026 ini telah dibayar pada 19 Mac 2026 (Khamis).

1.4 MPAJ telah menerima pakai beberapa Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) susulan pelaksanaan SSPA sebagai pengiktirafan kepada pegawai yang telah mencapai **prestasi cemerlang dan baik** serta telah **berkhidmat untuk tempoh tertentu di gred semasa** dan juga sebagai galakan bagi meningkatkan motivasi kerja dan mengekalkan kecemerlangan prestasi. Diantaranya adalah:-

1.4.1 Pemberian Insentif Berasaskan Prestasi (BIPs) Bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional Perkhidmatan Awam Persekutuan;

1.4.2 Pemberian Insentif Berasaskan Prestasi (BIPs) Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana Perkhidmatan Awam Persekutuan;

1.4.3 Pelaksanaan Pemberian Hadiah Pengiktirafan Akademik (HPA) Kepada Pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional Dan Kumpulan Pelaksana Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Sehubungan itu, pegawai dan kakitangan yang berkelayakan boleh mengemukakan permohonan dan keputusan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam garis panduan.

1.5 Selain itu, Tuan Pengerusi juga memaklum bahawa pihak pengurusan MPAJ telah bersetuju dengan pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) di MPAJ berkuatkuasa pada 1 Mei 2026 tertakluk kepada syarat-syarat dan ketetapan tambahan oleh pihak Majlis. Melalui pelaksanaan WBF ini, pegawai boleh memulakan tugas pada bila-bila masa antara 7.30 pagi hingga 9.00 pagi dengan syarat cukup 9 jam bekerja. Dengan pelaksanaan WBF ini, Ketua Jabatan/ Bahagian bertanggungjawab memantau waktu bekerja pegawai dengan memastikan prosedur dan syarat yang ditetapkan dipatuhi oleh semua pegawai. Kegagalan pematuhan ke atas arahan yang dikeluarkan boleh menyebabkan

tindakan tatatertib diambil terhadap kakitangan mengikut kepada peraturan yang sedia ada.

1.6 Dimaklumkan juga maklumbalas dan dokumen pembuktian Audit Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2026 telah dimuatnaik ke dalam sistem KPKT pada 31 Mac 2026 dan tiada lawatan fizikal dilaksanakan kecuali PBT yang terpilih secara rawak.

1.7 Susulan krisis di Asia Barat dan ketidaktentuan ekonomi, semua kakitangan diminta mengambil perhatian dan cakna dengan perubahan-perubahan semasa terutamanya berkaitan dengan kawalan perbelanjaan dan pengamalan langkah-langkah penjimatan dalam berbelanja.

1.8 Akhir sekali, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2025 akan diadakan pada 13 April 2026 (Isnin) dan ucapan tahniah diucapakan kepada semua penerima APC 2025 dan pesara tahun 2026. Semua warga kerja MPAJ dijemput untuk hadir bagi meraikan rakan-rakan yang menerima anugerah pada majlis tersebut.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MBJ BIL. 3/2025

Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil. 3/2025 yang diadakan pada 21 November 2025 telah dicadangkan untuk pengesahan oleh Puan Marlina binti Mohamad dan disahkan oleh Ir. Ts. Haji Zafrul Fazry bin Mohd Fauzi.

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 KEWANGAN

BIL	ISU	MAKLUM BALAS		TINDAKAN
3.1.1	Bayaran / tunggakan cukai taksiran bagi harta pegangan kakitangan Majlis	3.1.1.1	P(H) memaklumkan laporan tunggakan cukai taksiran bagi kakitangan Majlis adalah seperti berikut: a) Jumlah kakitangan yang belum menjelaskan cukai taksiran sehingga 28 Februari 2026 adalah seramai 66 orang dengan jumlah tunggakan cukai taksiran adalah sebanyak RM24,938.52. b) Tunggakan cukai taksiran adalah melibatkan kakitangan di semua jabatan kecuali Pejabat TYDP dan Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan. c) Tuan Pengerusi memohon pihak Jabatan Hasil untuk mengadakan perjumpaan kepada kakitangan yang masih belum menyelesaikan tunggakan cukai taksiran dalam masa terdekat.	Makluman
3.1.2	Elaun telefon kepada pemandu kenderaan MPAJ	3.1.2.1	Merujuk kepada edaran pekeliling daripada Perbendaharaan Negeri, P(KHP) memaklumkan tuntutan elaun telefon yang dinaikkan daripada RM30.00 kepada RM50.00 adalah tertakluk kepada pemandu Kenderaan Jabatan.	Selesai
		3.1.2.2	Tuan Pengerusi bersetuju elaun telefon tersebut perlu diberikan kepada semua pemandu kenderaan agar tidak mempunyai kekangan untuk	

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>berkomunikasi dengan pegawai, penyelia dan rakan sekerja yang berkaitan dengan tugas sebagai pemandu kenderaan.

3.1.2.3 Tuan Pengerusi memohon P(KHP) untuk membentangkan kertas cadangan dan membincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Majlis.</td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.3</td><td>Pemberian Elaun Kepada Juruaudit Dalaman</td><td>3.6.3.1 KB(AD) membentangkan maklum balas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor berkenaan pemberian elaun kepada Juruaudit Dalaman di PBT masing-masing.

3.6.3.2 Berikut adalah maklum balas pemberian elaun yang diberikan oleh pihak pengurusan kepada Juruaudit Dalaman berdasarkan data yang diperoleh:

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>PBT</th><th>Elaun (RM)</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Majlis Perbandaran Kajang</td><td>Tiada elaun</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Majlis Perbandaran Sepang</td><td>Tiada elaun</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Majlis Daerah Sabak Bernam</td><td>Tiada elaun</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Majlis Perbandaran Kuala Langat</td><td>Tiada elaun</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Majlis Bandaraya Seberang Perai</td><td>100-150</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Majlis Perbandaran Kuala Langat</td><td>100-150</td></tr>
<tr><td>7</td><td>Majlis Bandaraya Subang Jaya</td><td>250</td></tr>
</table>

3.6.3.3 Wakil Pihak Pekerja, selaku salah seorang Juruaudit Dalaman memaklumkan bahawa keperluan untuk memberikan elaun ini penting sebagai motivasi yang besar kepada para Juruaudit Dalaman yang lain untuk memberikan sepenuh perhatian dan komitmen dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan selain daripada tugas hakiki di jabatan/ bahagian masing-masing.</td><td>KB(AD)</td></tr>
</table>

		3.6.3.4 Wakil Pihak Pekerja juga memaklumkan teguran daripada juruaudit luar yang melaksanakan audit di MPAJ di mana laporan yang dikemukakan oleh pasukan Juruaudit Dalaman boleh diperkemaskan lagi untuk mencapai matlamat auditan yang dilaksanakan. 3.6.3.5 Tuan Pengerusi mengambil maklum dan memohon KB(AD) untuk memperincikan maklumat-maklumat yang diperoleh untuk dibentangkan berkenaan perincian dan cadangan bagi pemberian elaun kepada Juruaudit Dalaman MPAJ serta implikasi kewangan yang terlibat dalam Mesyuarat Pengurusan Majlis.	

3.2 INFRASTRUKTUR DAN FASILITI :

BIL	ISU	MAKLUM BALAS	TINDAKAN
3.2.1	Naik Taraf Fasiliti Gimnasium MPAJ	3.2.1.1 P(PPU) selaku pengerusi KESUKE memaklumkan kerja-kerja menaik taras fasiliti gimnasium adalah bergantung kepada perjalanan kerja-kerja pengubahsuaian di Aras 1, Menara MPAJ. 3.2.1.2 P(BS) memaklumkan status kelulusan pelan akan dijalankan dalam masa tujuh (7) hari dan KB(UB) memaklukmkan iklan tender akan dibuka dalam masa terdekat. 3.2.1.3 Tuan Pengerusi menjangkakan pembukaan ruangan baru gimnasium di adalah pada pertengahan tahun 2027 setelah selesai kerja-kerja menaik taraf dan pengubahsuaian di Aras 1, Menara MPAJ dan perolehan bagi peralatan yang dicadangkan untuk tukar akan dibuat pada awal tahun 2027.	KESUKE/ P(KEJ)/ P(BS)/ KB(UB)

		3.2.1.4	P(PPU) memaklumkan sebut harga yang diterima bagi pembelian peralatan di gimnasium adalah sekitar RM30,000.00 dan bergantung kepada keluasan kepada ruangan gimnasium baru untuk disuaikan dengan barangan yang dimohon.	
		3.2.1.5	P(KEJ) mencadangkan pembelian barang yang baru adalah menunggu kepada ruangan baru siap sepenuhnya dan tidak sesuai sekiranya memasang peralatan tersebut di ruangan sedia ada bagi mengelakkan kos yang dikenakan untuk memindahkan peralatan yang sedia ada ke ruangan baru atas faktor pemasangan yang kompleks.	
		3.2.1.6	P(PBK) memaklumkan keperluan pertukaran alatan di gimnasium bukan merangkumi keseluruhan alat sekiranya pembelian peralatan dilaksanakan terlebih dahulu sebelum ruangan baru di aras 1 siap sepenuhnya. Peralatan yang perlu ditukar adalah peralatan yang bersifat mudah alih tanpa memerlukan kos yang tinggi untuk dialihkan dari ruangan lama ke ruangan baru serta peralatan yang popular dalam kalangan pengguna gimnasium.	
		3.2.1.7	Tuan Pengerusi bersetuju untuk diperuntukkan sebanyak RM30,000.00 untuk membuat perolehan barangan dan peralatan gimnasium di tingkat 7 dengan menggunakan peruntukan daripada KESUKE dan cadangan tambahan peruntukan sebanyak RM20,000.00 yang menggunakan peruntukan Majlis akan dibincangkan secara lanjut setelah pengubahsuaian ruangan di aras 1 selesai.	
		3.2.1.8	Tuan Pengerusi memohon untuk melanjutkan perbincangan perolehan barangan gimnaisum tersebut dalam Mesyuarat Pengurusan Majlis.	

3.2.2	Cadangan Perubahan Landskap di Tingkat 1 Digantikan Dengan Parking Tambahan	3.2.2.1	P(BML) memaklumkan cadangan perubahan landskap di tingkat 1 telah selesai dan ruangan tempat letak kereta tambahan telah dilaksanakan seperti yang dicadangkan oleh pihak pekerja.	Selesai
		3.2.2.2	P(KEJ) memaklumkan terdapat beberapa cadangan baru yang akan dilaksanakan yang melibatkan kawasan di perkarangan belakang Menara MPAJ dan akan membentangkan cadangan pewujudan tempat letak motosikal yang baru dalam mesyuarat utama MPAJ akan datang.	

3.3 SUMBER MANUSIA :

BIL	ISU	MAKLUM BALAS		TINDAKAN
3.3.1	Cadangan permohonan lesen motor berkelompok terutama bagi kakitangan buruh yang kurang mahir membaca	3.2.1.1	P(KHP) memaklumkan proses bagi mendapatkan Lesen P sedang dalam proses dan kursus praktikal selama 16 jam akan bermula seawal bulan April 2026 dan menganggarkan ujian JPJ boleh diselesaikan seawal bulan Julai 2026 bergantung kepada jadual semasa pusat memandu.	P(KHP)
		3.2.1.2	Tuan Pengerusi mengambil maklum dan memohon untuk menyelesaikan mengikut SOP yang ditetapkan oleh pihak JPJ.	
3.3.2	Soal Selidik Klinik Panel 2024	3.2.2.3	P(KHP) memaklumkan memalui mesyuarat-mesyuarat utama, kadar bagi kemudahan perubatan tahun 2026 telah diluluskan oleh pihak pengurusan Majlis khasnya peruntukan kepada klinik panel.	Selesai
		3.2.2.4	Berikut adalah kadar perubahan peruntukan klinik panel tahun 2026 bagi penentuan had maksimum kelayakan setiap individu dan implikasi	

kewangan yang terlibat berdasarkan kaji selidik yang telah dilaksanakan terhadap tanggungan oleh semua kakitangan MPAJ:

TANGGUNGAN	KADAR TANGGUNGAN	IMPLIKASI
Kakitangan/ Individu	1,200.00	RM1,914,000.00
Pasangan (Luar)	400.00	
Anak (Setiap Seorang)	200.00	
Ibu	200.00	
Bapa	200.00	

3.2.2.5 P(KHP) juga memaklumkan pasangan yang kedua-duanya adalah kakitangan MPAJ, kadar kelayakan bagi semua anak adalah jatuh di bawah had kelayakan suami dan kadar had kelayakan maksimum bagi setiap kakitangan adalah sebanyak RM3,000.00.

3.2.2.6 P(KHP) juga memaklumkan kadar tuntutan bagi rawatan pergigian dan cermin mata dinaikkan daripada RM250.00 kepada RM500.00. Kadar rawatan ini akan ditolak daripada had kelayakan klinik panel.

3.3.3	Program Induksi Kakitangan Baru	3.3.3.1	P(KHP) memaklumkan cadangan program induksi kakitangan dilaksanakan pada bulan Julai 2026 dan dijalankan bersama dengan pengambilan kakitangan baru akan datang.	P(KHP)

		3.3.3.2	Tuan Pengerusi memohon P(KHP) untuk melaksanakan program induksi bagi kakitangan baru yang belum menghadiri program induksi terlebih dahulu dan tidak dilaksanakan bersekali dengan lantikan baru akan datang.	
3.3.4	Permohonan Penambahan *T-Shirt* Berkolar Bagi Kakitangan Pembantu Khidmat Am (Pembantu Awam) Gred H1	3.3.4.1	P(KHP) memaklumkan perolehan *t-shirt* tersebut sedang dalam proses dan pengukuran baju telah dibuat oleh pihak pembekal. Tempoh anggaran siap adalah pada bulan Mei 2026 iaitu selepas tempoh siap kerja yang diberikan kepada pembekal selama 12 minggu.	P(KHP)
		3.3.4.2	P(KHP) memaklumkan terdapat permasalahan yang berlaku pada sistem tender yang menyebabkan pengiklanan bagi sebut harga tersebut perlu dilaksanakan semula.	
		3.3.4.3	Tuan Pengerusi memohon untuk melaksanakan segala proses perolehan dengan segera dan memberi maklum balas selanjutnya dalam mesyuarat akan datang.	

3.4 KEBAJIKAN DAN PEMBUDAYAAN NILAI: TIADA PERKARA BERBANGKIT

3.5 INOVASI DAN PRODUKTIVITI : TIADA PERKARA BERBANGKIT

3.6 LAIN – LAIN

BIL	ISU	MAKLUM BALAS	TINDAKAN
3.6.1	Laporan pencapaian kutipan cukai	3.6.1.1 P(H) membentangkan **pencapaian kutipan cukai semasa dan tunggakan dari tempoh 1 Januari hingga 29 March 2026**: a. Pencapaian kutipan cukai semasa adalah sebanyak RM40,685,850.00 (39.31%) daripada sasaran kutipan berjumlah RM103,500,000.00 (sehingga 31 Disember 2026) b. Bagi kutipan tunggakan cukai pula adalah sebanyak RM4,460,000.00 (22.18%) 3.6.1.2 P(H) memaklumkan **prestasi hasil bukan cukai** sehingga 31 Mac 2026 dengan kutipan sebanyak RM57,215,048.65 (102.49%) daripada sasaran berjumlah RM55,825,006.00. 3.6.1.3 Skuad Khas Hasil Siri 5 2025 yang bermula pada bulan Ogos 2025 telah mencapai kutipan sebanyak RM3,624,998.90 (22.66%) dengan bayaran insentif berjumlah RM181,249.95. 3.6.1.4 P(H) memaklumkan jumlah **kutipan tabung endowmen** dalam tahun semasa sehingga 31 Oktober 2025 adalah sebanyak RM507,959.00. 3.6.1.5 Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa perbincangan bersama P(H) berhubung penumpuan kakitangan di Jabatan Hasil berkaitan dengan tunggakan cukai yang secara kumulatif telah terkumpul hampir RM90,000,000.00.	P(H)

		3.6.1.6 Tuan Pengerusi juga memaklumkan akan meneliti data dengan lebih spesifik untuk melaksanakan anjakan yang signifikan berkaitan dengan pengisian kakitangan di Jabatan Hasil.	
3.6.2	Cadangan Tempoh Lantikan Sebagai Wakil Pihak Pekerja Dihadkan Kepada 2 Penggal Berturut-Turut Sahaja	3.6.2.1 P(KHP) memaklumkan Perlembagaan MBJ telah termaktub bahawa lantikan kakitangan sebagai Wakil Pekerja MBJ adalah dihadkan kepada dua (2) penggal berturut-turut sahaja, seperti mana yang dimohon oleh pihak pekerja. 3.6.2.2 P(KHP) juga memaklumkan berdasarkan edaran surat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 27 Februari 2026, terdapat pindaan bagi garis panduan perlembagaan seperti berikut: 3.6.2.2.1 Pelantikan bagi Setiausaha Bersama Pihak Pegawai tidak dapat menghadiri mesyuarat, maka Pengerusi boleh melantik mana-mana ahli Pihak Pegawai sebagai Setiausaha bagi mesyuarat tersebut. 3.6.2.2.2 Keahlian Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pegawai Gred 12 dan ke bawah, tidak terlibat dalam membuat keputusan dan bukan Ketua Bahagian/ Unit. 3.6.2.3 Tuan Pengerusi memaklumkan pelantikan adalah bergantung kepada individu yang dilantik dan sekiranya pegawai yang dilantik dalam kalangan Gred 12 dan ke bawah itu dicadangkan untuk menjadi Ketua Jabatan/ Bahagian, pegawai tersebut perlu menyelesaikan tugasan sebagai Ahli MBJ (Pihak Pekerja) terlebih dahulu sebelum memegang jawatan yang dicadangkan tersebut.	Makluman

3.6.3	Impak Laporan Harian *i-Task*	3.6.3.1 Wakil P(KTM) membentangkan Analisis Laporan Harian *i-Task* bagi tempoh bermula 1 September 2025 hingga 31 Disember 2025. 3.6.3.2 Analisis yang dikemukakan menunjukkan daripada 10 jabatan/ bahagian yang ditekankan, hanya tiga (3) sahaja yang berjaya mengemukakan laporan tugasan luar melebihi 50% iaitu SB (61.9%), KEJ (61.3%) dan PH (54.2%) manakala terdapat tujuh (7) jabatan/ bahagian yang tidak mencapai 50% bagi skop tugasan luar termasuk PK, BS, PPU, PB, BML, PBK dan H bagi tempoh tahun 2025. 3.6.3.3 Pecahan peratusan tugasan yang dilaksanakan dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi tempoh tahun 2025 adalah seperti berikut:	Makluman

DUN	Peratusan
Pandan Indah	33.0%
Hulu Kelang	13.3%
Bukit Antarabangsa	18.5%
Teratai	14.1%
Lembah Jaya	13.3%
Kawasan Lain	4.0%

3.6.3.4 Penemuan daripada analisis tahun 2025 adalah kegagalan pelaksanaan tugas sekiranya kakitangan dalam unit yang sama bercuti, unit yang mempunyai kakitangan terlalu ramai dan kakitangan yang mempunyai tugasan lebih yang merangkumi unit berbeza. Penyelesaian kepada penemuan ini telah dikenal pasti dan diselaraskan dengan ketetapan

jumlah kakitangan dalam satu unit yang sama serta penyusunan carta *i-Task* yang lebih teratur.

3.6.3.5 Wakil P(KTM) juga membentangkan Analisis Laporan Harian *i-Task* bagi tempoh bermula 1 Januari 2026 hingga 28 Februari 2026.

3.6.3.6 Analisis yang dikemukakan menunjukkan daripada 10 jabatan/ bahagian yang ditekankan, hanya satu (1) sahaja yang berjaya mengemukakan laporan tugasan luar melebihi 50% iaitu KEJ (62.7%) manakala terdapat sembilan (9) jabatan/ bahagian yang tidak mencapai 50% bagi skop tugasan luar termasuk PK, BS, PPU, PB, BML, PBK, H, PH dan SB bagi tempoh tahun 2026.

3.6.3.7 Pecahan peratusan tugasan yang dilaksanakan dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi tempoh tahun 2026 adalah seperti berikut:

DUN	Peratusan
Pandan Indah	24.5%
Hulu Kelang	19.8%
Bukit Antarabangsa	17.9%
Teratai	16.0%
Lembah Jaya	15.4%
Kawasan Lain	6.4%

		3.6.3.8	Penemuan daripada analisis yang dilaksanakan pada tahun 2026 adalah ketidakpatuhan KPI 50% bagi tugasan luar oleh 10 jabatan/bahagian yang terlibat dan agihan tugasan luar tidak setara mengikut kawasan DUN.	
		3.6.3.9	Penambahbaikan yang dapat dibuat adalah pemantauan berkala serta berjadual perlu disusun dan diperkemaskan pada peringkat jabatan atau bahagian sendiri untuk mencapai peratusan yang lebih setara berbanding dengan analisis terkini.	
		3.6.3.10	Tuan Pengerusi mengambil maklum analisis yang dibentangkan oleh Wakil P(KTM) dan menyeru kakitangan untuk meneruskan komitmen sedia ada serta mengenal pasti ruang penambahbaikan dari segi aspek yang masih boleh diperkemaskan oleh pengarah jabatan dan ketua bahagian.	
		3.6.3.11	P(U) mencadangkan satu analisa atau impak daripada Laporan *i-Task* yang dilaksanakan oleh semua Jabatan/Bahagian perlulah dibuat dan perlu dihebahkan agar semua pegawai dan kakitangan mengambil serius berkenaan pelaporan yang diberikan pada setiap hari bekerja.	

3. PERKARA / ISU BARU :

4. HAL – HAL LAIN :

5.1	Semakan Status Lesen Motosikal oleh Kakitangan Jabatan Penguatkuasaan	5.1.1	Tuan Pengerusi memohon P(KHP) untuk membuat semakan awal terhadap kakitangan Jabatan Penguatkuasaan berkaitan kemahiran dan kelayakan lesen terutamanya kakitangan yang membawa kenderaan jabatan termasuk motosikal (250cc dan ke atas).	P(KHP)

		5.1.2	Tuan Pengerusi juga memohon P(KHP) untuk mengenalpasti kakitangan yang layak serta berpotensi untuk menunggang motosikal 250cc dan ke atas untuk ditempatkan dalam unit yang melaksanakan tugas rondaan di sekitar kawasan di bawah pentadbiran MPAJ.	
		5.1.3	Tuan Pengerusi juga memohon P(KHP) menyelaraskan kursus atau latihan yang berkaitan kepada anggota Jabatan Penguatkuasaan untuk mengasah nilai dan bakat dalam melaksanakan tugas yang menyentuh elemen-elemen pengendalian kenderaan, protokol dan disiplin secara bersiri.	
5.2	Cadangan Pemakaian dan Imej Logistik Semasa Melaksanakan Tugasan Luar	5.2.1	Susulan daripada Laporan Harian *i-Task*, P(KEJ) memaklumkan salah satu tujuan laporan ini adalah menunjukkan keberadaan kakitangan MPAJ yang melaksanakan tugasan di lapangan.	P(KHP)
		5.2.2	P(KEJ) juga memaklumkan kakitangan yang bertugas di lapangan memerlukan pemakaian yang menunjukkan identiti sebagai kakitangan MPAJ untuk masyarakat setempat mengetahui keberadaan dan tindakan di kawasan-kawasan yang memerlukan pemantauan, pembaharuan serta penambahbaikan oleh pihak MPAJ.	
		5.2.3	P(KEJ) mencadangkan pemberian pemakaian baju atau *vest* untuk kakitangan yang terlibat dengan aktiviti tersebut.	
		5.2.4	Tuan Pengerusi mencadangkan usaha untuk menonjolkan kakitangan yang bekerja di lapangan sebagai kakitangan MPAJ adalah memperkemaskan warna kenderaan yang digunakan adalah unik dan dapat dibezakan dengan kenderaan-kenderaan individu atau awam yang digunakan oleh agensi lain.	

5.3	Cadangan Pemberian Penghargaan Kepada Kakitangan Yang Berkhidmat 30 Tahun di MPAJ	5.3.1.	Tuan Pengerusi mencadangkan pemberian penghargaan kepada kakitangan yang telah berkhidmat selama 30 tahun di MPAJ dalam sambutan atau majlis yang berkaitan selain daripada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang dianggap tidak bersesuaian dengan matlamat majlis tersebut.	P(KHP)
		5.3.2.	Tuan Pengerusi juga mencadangkan penghargaan tersebut diadakan dalam sambutan menyambut hari penubuhan MPAJ. Tuan Pengerusi memohon cadangan lanjut dibincangkan dan diselaraskan dalam mesyuarat utama yang lain.	
5.4	Lantikan Baru Wakil Pekerja Bagi Sesi 2026-2028	5.4.1	P(KHP) memaklumkan bahawa Mesyuarat MBJ Bil.1/2026 adalah mesyuarat yang terakhir bagi Ahli MBJ Wakil Pekerja yang telah dilantik selama dua (2) sesi iaitu sesi 2022-2024 dan sesi 2024-2026.	Makluman
		5.4.2	P(KHP) juga memaklumkan pengundian bagi lantikan baru Wakil Pekerja yang baru bagi sesi 2026-2028 akan diadakan pada bulan Mei 2026 secara atas talian.	

7. PENANGGUHAN MESYUARAT

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir dan mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.33 pagi.

Disediakan oleh:

.....

(RAJA MUHAMMAD AMIRUNZAKI BIN RAJA AZMY)
Urus Setia,
Majlis Bersama Jabatan,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
Tarikh: 11/5/26

Disemak oleh:

.....

(NOR AZLIN BINTI OTHMAN, PPT)
Setiausaha Bersama (Pihak Pegawai),
Majlis Bersama Jabatan,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
Tarikh: 12/5/26

.....

(MUHAMAD FAIZAL BIN MUHAMAD ZAINUL)
Setiausaha Bersama (Pihak Pekerja),
Majlis Bersama Jabatan,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
Tarikh: 12/5/26

Disahkan oleh:

.....

(Ts. HAJI HASROLNIZAM BIN SHAARI, SIS, AMS)
Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
Tarikh : 12/05/2026